



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/3/2013

Penceroboh kini bergerak dalam kumpulan kecil - Jeneral Zulkifeli

Pengganas Sulu terperangkap

UM-9/3/2013

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

LAHAD DATU 9 Mac - Pegganas Sulu kini semakin terdesak dan terpaksa bergerak dalam kumpulan kecil setelah terperangkap dalam kepungan pasukan keselamatan di Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu di sini.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin berkata, berdasarkan situasi semasa pihaknya yakin kumpulan itu tiada pilihan selain cuba memasuki kawasan Kampung Tanduo.

"Mereka tidak mungkin akan dapat melepasi kepungan, cuma mereka akan keluar dari Kampung Tanjung Batu dan kembali ke Kampung Tanduo.

"Pada masa ini keutamaan adalah bagi menggeledah dan membersihkan Kampung Tanduo dan apabila selesai kita akan mengempur Kampung Tanjung Batu," katanya dalam sidang akhbar bersama Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar di sini hari ini.

Mereka ini amat licik dan mahir laluan antara Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu yang mempunyai banyak kawasan paya

ZULKIFELI MOHD. ZIN
Panglima Angkatan Tentera

Menurut Zulkifeli, keutamaan pada masa ini adalah menggeledah dan membersihkan kawasan Kampung Tanduo yang dipercayai masih terdapat saki-baki kumpulan pengganas yang bersembunyi dalam kawasan hutan.

Beliau berkata, kawasan kepungan di kedua-dua kampung berkenaan juga telah dikecilkan, masing-masing kepada kurang daripada empat kilometer persegi.

"Mereka ini amat licik dan mahir laluan antara Kampung Tanduo dan Kampung Tanjung Batu yang mem-



ZULKIFELI Mohd. Zin bersama Ismail Omar dalam sidang akhbar Op Daulat di Felda Sahabat, Lahad Datu, semalam. - MINGGUAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

punyai banyak kawasan paya," katanya.

Ditanya sama ada akan menggunakan serangan udara, beliau tidak menolak kemungkinan itu se-

kiranya perlu.

Sementara itu, Ismail memberitahu, seorang lagi penceroboh militan Sulu maut ditembak pada pukul 8 pagi tadi di Kampung Tanjung

Batu menjadikan jumlah keseluruhan kematian 53 orang.

Menurut beliau, penceroboh itu ditembak mati pasukan keselamatan selepas bertindak keluar daripada kepungan pihak berkuasa seorang diri.

Dalam sidang akhbar petang ini, Ismail memaklumkan pasukan keselamatan menahan sebanyak 27 lagi individu mencurigakan yang dipercayai ada kaitan dengan pengganas berhampiran Pantai Tanjung Batu di Tanjung Labian hari ini.

Tangkapan kira-kira pukul 10 pagi itu menjadikan jumlah keseluruhan suspek yang ditahan setakat ini mencecah 106 orang.

Menurut Ismail, kesemua suspek memberikan alasan keluar untuk menangkap ikan ditahan di dalam tiga buah bot.

"Saya mengingatkan bahawa kita tidak mahu sesiapa pun memasuki kawasan operasi kerana akan menjejaskan operasi selain membahayakan mereka," tegas beliau sambil menafikan laporan media asing konon terdapat anggota keselamatan negara ditawan kumpulan pengganas.